

Persatuan dan Fungsi Sosial dalam Masyarakat Cina di Pulau Pinang Pada Abad ke-18 Sehingga Awal Abad ke-20

Associations and Social Functions of Chinese in Penang in the 18th to Early 20th Centuries

Teioh Hui Shin & Aiza Maslan @ Baharudin

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Email: teiohregine24@gmail.com

Published: 22 March 2022

To cite this article (APA): Hui Shin, T., & Maslan @ Baharudin, A. (2022). Associations and Social Functions of Chinese in Penang in the 18th to Early 20th Centuries. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(1), 1-17. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.1.1.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.1.1.2022>

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis sejarah migrasi orang Cina ke Pulau Pinang dan bentuk serta fungsi sosial Persatuan Cina di Pulau Pinang dalam membina susunan sosial masyarakat Cina di Pulau Pinang pada sekitar abad ke-18 sehingga abad ke-20. Persatuan tersebut merupakan unsur penting dalam membina struktur sosial masyarakat Cina ketika mereka berhijrah ke penempatan baharu. Migrasi masyarakat Cina mempunyai jalur sejarah yang panjang. Gelombang migrasi terpenting yang mempengaruhi landskap sosioekonomi di rantau ini berlaku pada sekitar abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. Sejak abad ke-18, orang Cina telah bermigrasi ke Pulau Pinang dalam jumlah yang agak besar atas sebab keperluan ekonomi. Satu fenomena penting yang wujud akibat gelombang migrasi tersebut ialah pembentukan masyarakat yang saling membantu sehingga mewujudkan persatuan Cina. Penubuhan persatuan Cina yang berasaskan kepada kekeluargaan, lokaliti, dialek, dan profesion telah memainkan peranan penting melalui fungsi sosialnya. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Analisis kajian dilakukan berdasarkan kepada sumber primer, iaitu *Straits Settlements Government Gazette* dan *Supplement to Straits Settlements Government Gazette*. Analisis sumber sekunder pula berdasarkan kepada majalah dan buku yang diterbitkan oleh persatuan Cina yang terhad edarannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persatuan Cina telah didirikan berdasarkan prinsip kekeluargaan, lokaliti, dialek dan bidang pekerjaan. Setiap persatuan memainkan fungsi sosialnya dengan membekalkan tempat bergantung, menjalankan aktiviti agama, adat resam dan kebudayaan serta memupuk perpaduan masyarakat Cina. Oleh itu, persatuan Cina di Pulau Pinang telah berjaya membentuk susunan sosial yang sistematik berdasarkan prinsip pengorganisasian bersama fungsi sosial yang dimainkan dalam masyarakat Cina.

Kata Kunci: Diaspora, migrasi, struktur sosial masyarakat Cina, Persatuan Cina, fungsi sosial.

Abstract

This article aims to analyze the history of Chinese migration to Penang, the form and social function of the Chinese Association in Penang in building the social order of the Chinese community in Penang around the 18th to the 20th century. The association was an important element in building the social structure of the Chinese community as they migrated to new settlements. Chinese migration can be traced back through a long history. The wave of migration that took place during the 18th through the 20th centuries had the biggest impact on the region's socioeconomic landscape. Since the 18th century, the Chinese migrated to Penang in large groups for economic needs. As the community grew larger through this wave of migration, they gathered to help each other. Eventually, this resulted in an important phenomenon whereby Chinese associations were established based on kinship, locality, dialect and profession. These associations played important roles in developing the social structure of the Chinese community in Penang. This study is conducted using qualitative research methods. Analysis of the study was done based on the primary source which is the Straits Settlements Government Gazette and Supplement to Straits Settlements Government Gazette. The analysis of secondary sources was based on self-published magazines and books by Chinese associations with limited circulation, books and journal articles. The findings of the study indicate that Chinese associations had been established based on the principles of family, locality, dialect

and field of occupation. Each association plays its social function by providing a place of dependence, carrying out religious activity, customary and cultural activities as well as fostering the unity of the Chinese community. Thus, Chinese associations in Penang have succeeded in forming a systematic social order based on the organising principle and the social functions played in Chinese society.

Keywords: *Diaspora, migration, Penang social structure, Chinese Associations, social function.*

Pengenalan

Menurut Gungwu (2000), perdagangan merupakan satu-satunya alasan untuk orang China menjelajah ke seberang laut dan tinggal di kawasan asing. Sebelum abad kesepuluh, tidak dapat dipastikan jumlah orang China yang benar-benar melakukan perjalanan ke luar negara untuk tujuan perdagangan. Walaupun sehingga akhir abad ke-19, kerajaan China mengambil pendekatan dengan menafikan sama sekali bahawa berlakunya migrasi dalam kalangan penduduknya, namun mereka terpaksa menerima kenyataan bahawa hakikatnya sebilangan kecil penduduknya telah mula keluar dari negara China sejak awal lagi. Penempatan secara tetap orang Cina di Asia Tenggara yang direkodkan adalah pada abad ke-14 di Palembang, Sumatera dan Temasik (Singapura Lama). Namun, jumlah mereka yang terlibat adalah sangat kecil kerana menurut Purcell (1960) para pedagang Cina tidak berhasrat untuk meninggalkan negara mereka secara kekal, sebaliknya berazam untuk kembali ke tanah asal mereka bersama dagangan mereka. Penyembahan kepada nenek moyang merupakan dorongan utama yang menghalang mereka meninggalkan kampung halaman secara kekal atas kepercayaan bahawa meninggalkan roh nenek moyang tanpa persembahan korban merupakan kesalahan, iaitu kegagalan menunaikan tanggungjawab.

Namun, jumlah mereka yang keluar dari negara China bertambah sejak akhir abad ke-16 dan gelombang migrasi secara besar-besaran berlaku pada sekitar abad ke-19 dan awal abad ke-20 semasa pemerintahan Dinasti Qin (1644-1912). Migrasi dalam tempoh berkenaan didominasi oleh kaum lelaki, memandangkan golongan wanita dan kanak-kanak menghadapi kekangan untuk berbuat demikian. Perkara ini akan dapat dilihat dengan lebih jelas dalam perbincangan selanjutnya berkaitan migrasi orang Cina ke Pulau Pinang. Sebahagian besar golongan wanita yang ditinggalkan adalah *huo guafu*, iaitu 'janda dengan suami yang tinggal di luar negara' (Tan, 2013). Sepanjang tempoh pemerintahan dinasti berkenaan sehinggalah abad ke-19, pendekatan yang diambil adalah melarang pergerakan warganegaranya ke luar negara. Tindakan yang sama turut dilaksanakan semasa pemerintahan Dinasti Ming (1368-1644) yang sebelum itu cukup terkenal dengan perkembangan maritim yang hebat antara tahun 1405-1433 dengan angkatan laut yang diketuai oleh Laksamana Zheng He. Ekspedisi maritim telah ditamatkan sepenuhnya setelah ekspedisi terakhir Laksamana Zheng He pada tahun 1433 (Gungwu, 2000).

Purcell (1960) menekankan bahawa sekatan berkenaan dikenakan berikutan pandangan bahawa rakyat merupakan 'modal' yang tidak boleh ditukar ganti dengan kepentingan perdagangan. Tambahan pula, Dinasti Qing khawatir akan wujud komplot revolusi yang dirancang oleh mereka yang berada di luar negara China sehingga pihak pemerintah menetapkan hukuman bunuh bagi kesalahan tersebut. Perkara berkenaan mendapat perhatian Gungwu (2000),

Up to that time, most of the terms used for these men stressed that they were either vagabonds, fugitives, and outlaws, or they were mere sojourners, guests, visitors, only temporarily resident abroad. Thus the official records said little about them. In any case, from the 1370s till 1893, the main thrust of imperial law on the subject of Chinese leaving their country's shores was very clear. If they had no approved reason for being outside the country, these Chinese would be punished as criminals on their return. (ms. 43)

Menjelang pertengahan abad ke-19, pemerintahan Dinasti Qin berhadapan dengan pelbagai masalah kestabilan politik, ditambah pula dengan kebuluran dahsyat yang melanda negara China pada sekitar tahun 1846, 1849 dan 1877 sehingga mengorbankan lebih daripada 2 juta orang penduduk. Seramai 60 juta orang lagi dianggarkan terkorban semasa meletusnya pemberontakan pada tahun 1840-

an dan 1870-an. Perjanjian Nanking yang termeterai pada tahun 1842, menyaksikan penyerahan Hong Kong kepada Britain dan pembukaan lima buah pelabuhan perdagangan dengan kuasa-kuasa Barat (Backman, 1995). Pemerintah Dinasti Qin akhirnya mengalah pada akhir abad ke-19 dengan mengakui bahawa menetap di luar negara bukanlah suatu bentuk pengkhianatan dan kesalahan, sebaliknya mereka yang berjaya di tempat lain merupakan aset kepada kerajaan China. Dengan penarikan larangan pergerakan ke luar negara pada tahun 1893, hak orang Cina untuk bermigrasi dan mengunjungi negara luar atau kembali semula ke negara China telah diiktiraf (Tan, 2013; Gungwu, 2000).

Latar Belakang Kajian

Blythe (1969) menekan bahawa pada abad ke-18 orang Cina memainkan peranan penting dalam mewarnai pengkisahan sejarah di Tanah Melayu. Sebelum berlakunya migrasi orang Cina dari negara China dalam jumlah yang agak besar ke Pulau Pinang pada sekitar abad ke-18 seperti yang dipersetujui oleh ramai pengkaji antaranya Purcell (1960) dan Tan (2007), telah terdapat sebilangan kecil orang Cina di Melaka sejak terbentuknya Kesultanan Melayu Melaka pada sekitar abad ke-15. Malah, menurut Gungwu (1991) hubungan antara Alam Melayu dengan Tanah Besar China telah bermula sejak abad ke-4 lagi.

Pada peringkat awal abad ke-18, orang Cina yang datang ke Pulau Pinang bagi tujuan perdagangan akan kembali ke tanah asal mereka setelah menyelesaikan aktiviti komersial. Ketika itu, mereka dianggap sebagai *sojourner* atau *hua-qiao*, berbeza daripada golongan yang menetap di Alam Melayu sehingga hari ini (Lee, 2009). Penyembahan nenek moyang merupakan antara faktor utama yang tidak menggalakkan orang Cina daripada tinggal menetap di sesuatu penempatan baharu di luar China. Perkara tersebut berkait rapat dengan kepercayaan bahawa meninggalkan roh nenek moyang dan tidak melakukan penyembahan korban dianggap sebagai kegagalan menunaikan ketaatan. Corak kedatangan orang Cina ke Pulau Pinang sedikit sebanyak mengalami perubahan setelah pendudukan British di Pulau Pinang. Pentadbiran Francis Light dan dasar pembangunan beliau di Pulau Pinang yang bermula pada tahun 1786 menjadikan perdagangan Pulau Pinang berkembang dengan begitu pesat. Selain itu, kepercayaan dan keyakinan terhadap dasar perdagangan pihak British, dan amalan perdagangan bebas yang diperkenalkan turut membantu perkembangan tersebut.

Deklarasi pemerintah kolonial menjadikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas cukai untuk semua bangsa telah berjaya melonjakkan potensi Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan entrepot antarabangsa, sekali gus menjadi antara dorongan utama yang menarik kedatangan orang Cina ke negeri berkenaan (Ooi, 2015). Mereka kemudiannya mendirikan perniagaan dan memulakan penempatan di George Town dengan mengahwini wanita tempatan setelah mereka berjaya dalam perniagaan dan menjadi tauke. Sebahagian yang lain membawa isteri yang dibawa dari negara asal. Berikutan itu, mereka yang datang untuk tinggal sementara pada asalnya, kemudiannya telah berubah menjadi peneroka (Ooi, 2015). Pada tahun 1794 sebelum kematian beliau, Francis Light pernah menyentuh tentang orang Cina di Pulau Pinang.

The Chinese constitute the most valuable part of our inhabitants: they are men, women and children, about 3,000; they possess the different trades of carpenters, masons, and smiths, are traders, shopkeepers, and planters: they employ small vessels and prows and send adventurers to the surrounding countries. (Blundell, 1851, ms.120)

Jadual 1: Imigran Cina yang Tiba di Pelabuhan Pulau Pinang

| Tahun | Jumlah Keseluruhan | Wanita | Kanak-kanak |
|-------|--------------------|--------|----------------|
| 1881 | 42,056 | 1,068 | Tiada maklumat |
| 1882 | 45,122 | 1,115 | Tiada maklumat |
| 1883 | 47,930 | 2,272 | Tiada maklumat |
| 1884 | 38,231 | 1,431 | Tiada maklumat |
| 1885 | 42,142 | 1,354 | Tiada maklumat |
| 1886 | 57,186 | 1,733 | 938 |
| 1887 | 65,348 | 2,784 | 1,643 |

Sumber: *Straits Settlements Government Gazette* (1888)

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *Straits Settlements Government Gazette* (1888), dapat dirumuskan bahawa berlaku peningkatan jumlah imigran Cina yang tiba di Pulau Pinang sebagaimana dalam Jadual 1. Jumlah mereka yang tiba di Pulau Pinang pada tahun 1881 dianggarkan berjumlah 42,056 orang dengan 1,068 daripadanya ialah wanita. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan kepada 57,186 orang pada tahun 1886 dengan 1,733 ialah wanita dan 938 merupakan kanak-kanak. Pada tahun berikutnya, jumlah tersebut meningkat kepada 65,348 orang dengan kaum wanita berjumlah 2,784 orang dan 1,643 orang terdiri daripada kanak-kanak. Mereka belayar ke Tanah Melayu menaiki 254 buah kapal api dan 12 buah jong. Kajian yang dilakukan oleh Purcell (1960) mengetengahkan bahawa pada tahun 1911, populasi Tanah Melayu dianggarkan berjumlah 2,673,000 orang dengan 49.2 peratus orang Melayu, 35 peratus Cina dan 14 peratus India. Menjelang tahun 1941, jumlah populasi meningkat dua kali ganda kepada 5,511,000 orang dengan peratusan orang Cina meningkat kepada 43 peratus.

Menurut Turnbull (2009), orang Cina pertama yang datang bersama Francis Light ke Pulau Pinang pada tahun 1787 ialah Koh Lay Huan yang dilantik sebagai Kapitan Cina. Imigran Cina yang lain juga mengikuti beliau dengan kebanyakannya datang dari Phuket. Tidak lama kemudian komuniti Cina yang menetap di Pulau Pinang terdiri daripada kumpulan Hokkien, Kantonis, Hakka dan Teochew. Light dan pegawai pentadbiran membenarkan masyarakat Cina untuk melaksanakan pentadbiran yang sesuai dengan orang Cina. Mereka telah membawa organisasi mereka sendiri dari Kedah dan Phuket dalam bentuk persatuan rahsia atau *hui* yang berasal dari negara China yang berusaha untuk menjatuhkan kerajaan Dinasti Ching. Namun, peranan persatuan tersebut telah bertukar dengan menjadi alat pemerintah British. Persatuan itu kini berfungsi untuk mengatur tenaga buruh dan mendapatkan keuntungan dengan melelongkan hak untuk memungut cukai candu dan arak kepada peniaga Cina bagi pihak kerajaan British.

Sementara itu, Cai (2002) menjelaskan bahawa penduduk Cina di Pulau Pinang pada ketika itu dapat dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah *Laokheh*, iaitu golongan pendatang yang menetap lebih lama di Pulau Pinang dan dengan itu mereka ini mempunyai kemahiran dan pengalaman yang lebih tinggi. Mereka merupakan kumpulan pendatang gelombang pertama yang datang ke Pulau Pinang. Kategori kedua ialah kelompok orang Cina yang datang ke Pulau Pinang dari Kedah, Selatan Siam dan Pattani, Sumatera Utara dan Melaka sehingga mewujudkan subkelompok dalam kalangan orang Cina yang dikenali sebagai Baba Nyonya atau "*Straits Chinese*". Menurut Ooi (2015), istilah "*Straits Chinese*" digunakan untuk membezakan antara orang Cina yang dilahirkan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura iaitu Negeri-negeri Selat dan mereka yang berasal dari tanah besar China. Kelompok Baba Nyonya di Pulau Pinang mewakili gabungan segerak budaya Sino-Melayu dengan menerapkan tradisi sosiobudaya Melayu dari segi masakan, pakaian (terutama untuk wanita) dan bahasa pertuturan di rumah. Seterusnya, kategori Cina yang ketiga ialah *Sinkheh*, atau pendatang yang bermigrasi ke Pulau Pinang melalui sistem kontrak yang dikenali sebagai "Sistem Tiket Kredit" pada tahap kedua setelah Perang Candu di China (Cai, 2002). Sepanjang tempoh antara tahun 1820-an sehingga 1830-an, dianggarkan sejumlah 2,000 sehingga 3,000 orang *Sinkheh* dari Guangdong dan Fujian mendarat di pelabuhan Pulau Pinang (Ooi, 2015).

Sesuai dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan perdagangan, Zhuang (2008) menyimpulkan bahawa migrasi orang Cina ke Pulau Pinang boleh dikategorikan kepada dua tahap. Pada tahap pertama, orang Cina melakukan migrasi hasil daripada keterlibatan mereka dalam hal ehwal perdagangan, yang berlaku antara awal abad ke-17 sehingga pertengahan abad ke-20. Perkembangan perdagangan yang rancak di Pulau Pinang sejak kedatangan pihak British telah membuka peluang perdagangan yang begitu luas, sekali gus membawa kepada perkembangan ekonomi di Asia Tenggara, terutama di Pulau Pinang. Sudah pasti perkara berkenaan menarik minat pedagang Cina pada awal abad ke-17. Perkembangan ini memberi peluang kepada orang Cina untuk mencari nafkah dan menjadi motivasi bagi mereka untuk bermigrasi.

Manakala tahap kedua pula berlaku antara pertengahan abad ke-19 sehingga awal abad ke-20, dan dalam tempoh tersebut migrasi orang Cina telah berlangsung melalui kontrak kerja. Permintaan yang tinggi bagi pekerja dalam industri perlombongan akibat daripada Revolusi Industri yang terjadi pada awal abad ke-19 telah menyebabkan wujudnya migrasi gelombang kedua dari negara China ke Pulau Pinang melalui "Sistem Tiket Kredit" (Tan, 2007). Selain itu, peningkatan jumlah penduduk di negara China juga telah menggalakkan peningkatan aktiviti eksport tenaga kerja ke Pulau Pinang. Golongan pekerja berkenaan disebut sebagai *Sinkheh* dan mereka dikategorikan kepada dua jenis, iaitu penumpang yang berbayar dan penumpang yang tidak berbayar. Penumpang yang berbayar merupakan *Sinkheh* yang membayar perbelanjaan mereka untuk mencari pekerjaan dan pada kebiasaannya mereka ini akan dibimbing oleh saudara-mara mereka di Pulau Pinang. Golongan *Sinkheh* ini tidak terikat dengan sebarang bentuk kontrak kerja. Sebaliknya, penumpang yang tidak berbayar pula merujuk kepada *Sinkheh* dari golongan miskin yang tidak dapat menjelaskan kos perjalanan mereka. Oleh itu, mereka terikat dengan kontrak kerja untuk membayar kos perjalanan dengan menjadi buruh. Kebanyakan *Sinkheh* akan bekerja di industri perladangan dan perlombongan di Pulau Pinang (Cai, 2002). Jadual 2 menunjukkan jumlah penumpang yang gagal menjelaskan kos perjalanan mereka ke Pulau Pinang.

Jadual 2: Jumlah Imigran Cina yang Gagal Membayar Kos Perjalanan ke Pulau Pinang (1881-1887)

| Tahun | Jumlah |
|-------|--------|
| 1881 | 20,794 |
| 1882 | 17,011 |
| 1883 | 16,197 |
| 1884 | 15,181 |
| 1885 | 17,034 |
| 1886 | 23,459 |
| 1887 | 22,904 |

Sumber: *Straits Settlements Government Gazette* (1888)

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *Straits Settlements Government Gazette* (1888), dapat dirumuskan bahawa berlaku keadaan apabila ramai imigran Cina di Pulau Pinang gagal membayar kos perjalanan ke Pulau Pinang sebagaimana yang tertera dalam Jadual 2. Jumlah mereka yang gagal membayar kos perjalanan ke Pulau Pinang pada tahun 1881 dianggarkan berjumlah 20,794 orang. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan kepada 23,459 orang pada tahun 1886. Kajian yang dilakukan oleh Cai (2002) mengetengahkan bahawa kebanyakan penumpang yang terdiri daripada imigran Cina tidak dapat membayar kos perjalanan tersebut berikutan penipuan yang dilakukan terhadap mereka apabila kos bayaran perjalanan berkenaan telah dinaikkan setibanya mereka di Pulau Pinang.

Dari aspek komposisi imigran pula, menurut Blythe (1969), kebanyakan orang Cina yang bermigrasi pada zaman awal merupakan penduduk di wilayah selatan negara China, iaitu Guangdong, Guangxi dan Fujien. Walau bagaimanapun, pandangan Backman (1995) sedikit berbeza kerana menurut beliau, mereka datang dari kawasan yang kini meliputi wilayah Guangdong, Fujian dan Hainan. Menurut Derks (2012), migrasi orang Cina dari wilayah tersebut didorong oleh pelbagai faktor termasuklah keadaan dan masalah yang dihadapi oleh wilayah terbabit seperti kekurangan tanah,

bencana alam seperti banjir, kebuluran, pemberontakan berdarah disebabkan kejatuhan industri tempatan dan eksploitasi kerajaan dalam bidang ekonomi yang melampau.

Penelitian yang dilakukan oleh Lin (2009) pula menyimpulkan bahawa semangat pengembaraan yang tinggi dan agresif oleh orang Cina dari daerah Fujian dan Guandong telah mendorong migrasi kumpulan orang Hokkien, Toecheu, Guandong, Hakka, dan Hainan ke Pulau Pinang. Manakala Freedman (1960b) pula menyatakan bahawa migrasi orang Cina ke Pulau Pinang bukan sahaja menyumbang kepada penambahan data dalam banci penduduk tetapi juga struktur budaya, organisasi sosial dan status politik mereka sendiri. Untuk menyesuaikan diri di tempat baharu, orang Cina telah membawa masuk tradisi penubuhan persatuan Cina ke Pulau Pinang yang berasaskan tempat asal atau kumpulan dialek pertuturan ketika mereka bermigrasi ke penempatan baharu. Atas keperluan sosial, ekonomi dan budaya, sekumpulan golongan peniaga dan buruh telah mula menubuhkan persatuan berdasarkan prinsip hubungan kekeluargaan, geografi, dialek, agama dan profesion bagi menyatukan penduduk Cina dalam bentuk gabungan yang dapat memupuk perpaduan dan sikap saling bantu-membantu dalam kalangan mereka (Tan, 2007).

Selain itu, terdapat persatuan yang menyatukan ahlinya melalui ikatan kerohanian rahsia yang memerlukan mereka bersumpah darah untuk setia sebagai satu keluarga walaupun pada hakikatnya masing-masing tiada pertalian darah. Pembentukan persatuan dengan ikatan kerohanian rahsia ini menyediakan seseorang individu dengan latar belakang sosial dan badan politik yang secara tidak langsung memberikan kuasa, perlindungan, pertolongan, serta rasa kekeluargaan. Pembentukan persatuan dengan ikatan kerohanian rahsia dan sumpah berdarah, secara tidak langsung memberikan seseorang individu itu latar belakang sosial serta badan politik yang secara tidak langsung memberikan kuasa, perlindungan, pertolongan, serta rasa kekeluargaan. Selain itu, melalui ikatan kerohanian juga memungkinkan mereka menghayati perkara berkaitan kerohanian di tanah asing yang dikuasai oleh pemerintah yang benar-benar asing dari segi ras, bahasa, agama, adab, dan adat istiadat. Dalam keadaan asing ini, pergantungan seseorang individu kepada sesuatu kumpulan dalam masyarakatnya tidak dapat dielakkan. Tekanan yang diberikan kepada seseorang individu untuk menyertai sesebuah persatuan yang berkaitan bidang pekerjaan mereka juga hampir tidak dapat dielakkan kerana keterikatan dengan sesuatu pekerjaan menyebabkan mereka perlu menyertai persatuan rahsia yang mengawal tempat kerja mereka.

Oleh sebab kurangnya perhatian dan pemantauan oleh pihak berkuasa kolonial, persatuan-persatuan Cina mula tumbuh dan berkembang untuk memastikan perpaduan dalam kalangan masyarakat imigran Cina. Oleh yang demikian, persatuan-persatuan tersebut memainkan peranan masing-masing melalui objektif yang telah disasarkan oleh mereka dan mengembangkan ketertiban sosial berdasarkan kumpulan afiliasi mereka untuk meningkatkan kesatuan dan memupuk perpaduan dalam kalangan mereka. Perkara tersebut dijalankan di bawah pemantauan organisasi dan pengurusan dalaman yang ketat (Lin, 2009). Lantaran itu, tulisan ini bertujuan untuk menjelaskan sejarah migrasi orang Cina ke Pulau Pinang, bentuk serta fungsi sosial Persatuan Cina di Pulau Pinang dalam membina susunan sosial masyarakat Cina di Pulau Pinang pada sekitar abad ke-18 sehingga abad ke-20.

Permasalahan Kajian

Daripada pelbagai kaum yang ada dalam jajahan British di Negeri-negeri Selat, orang Cina sering menarik perhatian pihak pemerintah British. Perkara tersebut dapat dilihat melalui surat yang dihantar oleh Crawford, Gabenor Negeri-negeri Selat pada tahun 1823 yang menyifatkan nilai seorang Cina menyamai dua orang India atau empat orang Melayu. Mereka dianggap sebagai kumpulan etnik yang aktif dan rajin (Vaughan, 1879). Kenyataan tersebut turut disokong oleh Francis Light yang menegaskan,

They are the only people from whom a revenue may be raised without expense and extraordinary effort of government. They are a valuable acquisition but speaking a language which no other people understand, they are able to form parties and combinations in a most secret manner against any regulations of Government they disapprove. (Cullin, Zehnder, 1905, ms 9)

Setelah pembukaan Pulau Pinang, berlaku peningkatan migrasi orang Cina ke Tanah Melayu. Sejak itu, orang Cina terus memainkan peranan penting dalam mencorak dan mewarnai lanskap sosial masyarakat di Malaysia. Oleh itu, beberapa persoalan yang ingin dikaji ialah bagaimana masyarakat Cina yang berasal daripada latar belakang yang berbeza di negara China membina susunan sosial yang tersendiri di Pulau Pinang dan bagaimana masyarakat Cina menyumbang dalam aspek sosial melalui persatuan-persatuan yang ditubuhkan?

Objektif Kajian

- 1) Mengkaji bentuk dan jenis persatuan Cina di Pulau Pinang.
- 2) Mengkaji fungsi sosial yang dimainkan oleh persatuan-persatuan Cina di Pulau Pinang pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20.

Sorotan Literatur

Masyarakat Cina di Pulau Pinang telah membentuk komuniti dan membina susunan sosial masyarakat mengikut tradisi pertubuhan sosial yang terdapat di negara China. Kajian Mills et al. (1960), *British Malaya 1824-67* dalam bab bertajuk *The Chinese in British Malaya* dan kajian Turnbull (2009) yang bertajuk *Penang's Changing Role in the Straits Settlements 1826-1946* membincangkan latar belakang masyarakat Cina dalam pembentukan pertubuhan rahsia di Pulau Pinang pada awal abad ke-18. Menerusi penulisan tersebut, didapati bahawa masyarakat Cina mula menubuhkan persatuan rahsia seperti di China yang memainkan peranan untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina dalam bidang ekonomi dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Di Pulau Pinang, masyarakat Cina telah membawa tradisi tersebut dengan menubuhkan persatuan rahsia berdasarkan konsep "*imperium in imperio*" bagi menikmati faedah daripada pentadbiran British. Kajian tersebut juga mengetengahkan bahawa masyarakat Cina disatukan menerusi penubuhan pertubuhan *kongsi* atau persatuan yang bertujuan menjaga kepentingan sendiri, menjalankan aktiviti keagamaan dan membekalkan bantuan. Namun begitu, penulisan tersebut hanya menyentuh secara umum tentang proses dan tujuan penubuhan pertubuhan rahsia dalam masyarakat Cina.

Kajian Khoo (1971) yang bertajuk "Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu" menjelaskan tentang kepelbagaian masyarakat Cina di Tanah Melayu yang berasal daripada pelbagai kawasan di negara China dan bidang ekonomi yang diceburi oleh pelbagai kumpulan masyarakat berkenaan berasaskan kepada lokaliti dan dialek. Menurutnya, masyarakat Cina menubuhkan persatuan untuk menjaga kepentingan diri berdasarkan nama bapa dan wilayah di negara China. Walau bagaimanapun, tulisan beliau tidak tertumpu kepada masyarakat dan persatuan Cina di Pulau Pinang sebaliknya analisis beliau menyentuh tentang masyarakat Cina secara umum. Beliau turut menyifatkan tulisan sarjana Barat mengenai masyarakat Cina di Tanah Melayu sebagai tidak memuaskan dan terlalu dangkal kerana lebih cenderung memfokuskan tentang cara pemerintah British mengawal masyarakat Cina. Walau bagaimanapun, beliau memberi kredit kepada penulisan Purcell (1948) dan Blythe (1969). Namun, kegagalan beliau mengemukakan sebarang sitasi mencatitkan penulisan berkaitan kerana penggunaan sumber rujukan yang digunakan tidak dapat dikenal pasti.

Manakala kajian Ooi (2015) yang bertajuk *Disparate Identities: Penang From A Historical Perspective, 1780-1941* memberi tumpuan terhadap perkembangan Pulau Pinang dari aspek sosioekonomi khususnya faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan sifat dan identiti sosiobudaya masyarakat Pulau Pinang. Kajian ini turut menyentuh tentang perkembangan orang Cina di Pulau Pinang tetapi fokus perbincangan beliau lebih tertumpu kepada hubungan persatuan Cina dengan Kapitan Cina sebagai medium untuk menyuarakan ketidakpuasan hati masyarakat Cina terhadap pentadbiran British di Pulau Pinang. Walaupun tulisan beliau banyak merujuk kepada sumber-sumber primer seperti *Straits Settlements Records* dan *Straits Settlements Annual Report*, namun beliau tidak merujuk kepada *Straits Settlements Government Gazette*.

Mak (1995) dalam tulisan beliau yang bertajuk *The Dynamic of Chinese Dialect Groups in Early Malaya* mengetengahkan bahawa persatuan-persatuan Cina di Negeri-negeri Selat didirikan dengan pelbagai bentuk atas dasar dialek, lokaliti dan klan. Malangnya, beliau tidak membincangkan tentang fungsi sosial yang dimainkan oleh persatuan-persatuan Cina di Pulau Pinang secara teliti dan mendalam. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini hanya membincangkan tentang sumbangan masyarakat Cina dalam bidang ekonomi, penubuhan persatuan rahsia dan penyertaan masyarakat Cina dalam persatuan rahsia pada awal abad ke-18. Persatuan rahsia tersebut lazimnya dilihat sebagai sebuah organisasi yang bersifat ganas dan berfungsi sebagai alat bagi mendapatkan tenaga pekerja oleh pihak British. Namun, tiada kajian lepas yang menumpukan kepada kepelbagaian bentuk persatuan Cina dan sumbangan masyarakat Cina dalam aspek sosial melalui persatuan Cina secara mendalam.

Sementara itu, kajian Freedman (1960b) yang bertajuk *The Growth of a Plural Society in Malaya* yang diterbitkan dalam *Pacific Affairs* menyifatkan golongan imigran Cina yang meninggalkan Tanah Besar China pada abad kesembilan belas untuk pergi ke Tanah Melayu dan penempatan luar negeri yang lain bukan merupakan duta budaya Cina. Tindakan berkenaan didorong oleh faktor ekonomi yang secara amnya adalah bertentangan dengan polisi pihak berkuasa China. Hal ini demikian kerana penglibatan masyarakat Cina di Tanah Melayu pada awalnya hanya tertumpu pada bidang ekonomi dan tidak mempunyai sebarang bentuk sokongan dalam bentuk institusi politik. Namun, lama-kelamaan masyarakat Cina mula berkembang dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya. Mereka mula menjalankan pentadbiran sendiri melalui pertubuhan rahsia yang kadangkala mencetuskan konflik antara kumpulan dialek tetapi pada masa yang sama pertubuhan rahsia juga menjadi alat yang menyatupadukan mereka untuk berhubungan dengan pihak pentadbir British. Beliau juga mengetengahkan bahawa terdapat pelbagai persatuan perdagangan berasaskan dialek yang ditubuhkan bertujuan untuk mendapatkan tenaga buruh. Namun tulisan beliau juga tidak membincangkan secara khusus tentang orang Cina di Pulau Pinang.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan memberi penekanan terhadap analisis sumber primer dan sekunder. Melalui kaedah kajian yang dijalankan di perpustakaan, sumber primer dan sekunder telah dikumpulkan dan dianalisis secara mendalam. Sumber primer yang dirujuk iaitu *Straits Settlements Government Gazette* (1888) dan *Supplement to Straits Settlements Government Gazette* (1888) digunakan untuk mendapatkan data berkaitan aktiviti kedatangan masyarakat Cina di Pulau Pinang. Manakala sumber sekunder terdiri daripada majalah serta buku yang diterbitkan sendiri oleh persatuan dan amat terhad pengedarannya diperoleh daripada Perpustakaan Dewan Perhimpunan Cina, Georgetown. Sumber tersebut dipilih atas sebab majalah-majalah tersebut memberi maklumat tentang aktiviti tahunan yang dijalankan, sekali gus mengetengahkan fungsi sosial yang dimainkan oleh persatuan-persatuan berkenaan dalam aspek budaya, kebajikan masyarakat, adat resam dan kepercayaan. Selain itu, kajian ini turut merujuk buku dan artikel jurnal yang diperoleh daripada beberapa buah perpustakaan di Malaysia, termasuk Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Negara Malaysia. Analisis mendalam dilakukan terhadap sumber-sumber ini untuk menjelaskan tentang sejarah migrasi orang Cina ke Pulau Pinang dan bentuk serta fungsi sosial persatuan Cina di Pulau Pinang dalam membina susunan sosial masyarakat Cina di Pulau Pinang pada sekitar abad ke-18 sehingga abad ke-20.

Perbincangan dan Hasil Dapatan

Fenomena menarik yang berlaku berikutan migrasi orang Cina ialah pembentukan masyarakat yang saling membantu di kawasan penempatan baharu. Menurut Freedman (1960a), orang Cina tidak sampai ke Pulau Pinang secara berkumpulan yang membolehkan mereka untuk terus melantik seorang pemimpin secara mudah. Sebaliknya, mereka mengaturkan diri dengan peraturan ekonomi yang tersendiri, membina sistem sosial dan mengelompokkan diri mereka berasaskan persatuan untuk berurusan dengan orang Melayu dan pemerintah British.

Sebagaimana yang dibincangkan, orang Cina yang bermigrasi ke Pulau Pinang terdiri daripada pelbagai kelompok dialek dan mereka tidak membentuk unit sosial seperti yang mereka lakukan di Tanah Besar China apabila mereka tinggal berdampingan di daerah-daerah tertentu. Oleh itu, ruang untuk berlakunya pertengkaran dan pergeseran antara satu sama lain terbuka luas. Pada zaman awal, baik di Pulau Pinang, Melaka mahupun di Singapura, kerajaan kolonial British tidak mengawal ketat urusan hal ehwal orang Cina, sebaliknya menyerahkan kepada ketua yang dilantik oleh mereka sendiri untuk mentadbir serta mengatur orang Cina di Pulau Pinang. Walaupun objektif asal penubuhan persatuan Cina sebenarnya lebih kepada bentuk keagamaan dan saling bantu-membantu sesama ahli, tetapi kemudiannya persatuan Cina yang ditubuhkan telah mengambil pendekatan anti-dinasti seperti yang terdapat pada zaman penaklukan Manchu di China (Purcell, 1960). Pandangan tersebut selari dengan Wong (2012) yang menyifatkan objektif dan aktiviti persatuan rahsia pada awalnya berfokus kepada penyatuan ahli untuk saling bantu-membantu serta menentang keganasan, diskriminasi dan penganiayaan. Menurut Purcell (1960), walaupun kenyataan rasmi mengenai kewujudan persatuan berkenaan di Singapura hanya timbul pada tahun 1831, seawal tahun 1799 telah dilaporkan di Pulau Pinang tentang pelbagai kekacauan yang diakibatkan oleh persatuan rahsia berkenaan. Francis Light pernah menyentuh tentang persatuan rahsia berkenaan pada bulan Januari 1794 dengan berkata *'speaking a language which no other people can understand, they are able to form parties and combinations in the most secret manner against any regulation of government which they disapprove'* (Blythe, 1969). Menariknya, pihak kolonial British bergantung kepada persatuan rahsia tersebut untuk menjalankan sistem perladangan candu dan menjadikan mereka sebagai orang tengah untuk mengimport buruh (Mak, 1981).

Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh *Straits Settlements Government Gazette* (1888), terdapat lima buah persatuan rahsia di Pulau Pinang yang disenaraikan berdaftar di bawah Seksyen 3 Ordinan XIX 1869 dan V, 1872, iaitu *Ghee Hin*, *Toa Peh Kong* (*Kien Tek*), *Ho Seng*, *Chun Sim* dan *Hai San*. Antara tahun 1877 sehingga 1887, jumlah keanggotaan *Ghee Hin* mencecah 59,470 orang, *Toa Peh Kong* (17,628), *Ho Seng* (12,402), *Chun Sim* (2,359) dan *Hai San* (722) yang menjadikan keseluruhan anggota berdaftar bagi persatuan rahsia di Pulau Pinang berjumlah 92,581 orang. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 14,536 berbanding tahun 1886 dengan 78,045 keanggotaan. Manakala dari segi pusat gerakan persatuan pula, *Ghee Hin* berpusat di Lebuh Gereja, *Toa Peh Kong* di Lebuh Armenian, *Ho Seng* dan *Chun Sim* di Lebuh King dan *Hai San* di Lebuh Pantai. Menariknya, keanggotaan *Ghee Hin* dan *Ho Seng* terdiri daripada kelompok Hokkien, Teochew, Kantonis, Hailam dan Kheh, berbanding *Toa Peh Kong* dan *Chun Sim* yang lebih didominasi oleh kelompok Hokkien. Manakala *Hai San* pula dianggotai majoritinya oleh kelompok Kheh (*Supplement to Straits Settlements Government Gazette*, 1888).

Namun begitu, kewujudan persatuan yang pelbagai telah memberikan bentuk dan rantaian yang berbeza dalam kalangan masyarakat Cina. Antaranya, persatuan Cina yang didirikan berasaskan kekeluargaan merujuk kepada keahliannya yang terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan darah serta nama keluarga yang sama. Menurut Wong (2012), persatuan berasaskan kekeluargaan ini dapat dibahagikan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah persatuan yang mempunyai anggota-anggota yang berafiliasi melalui keturunan berdasarkan hubungan pertalian darah, geografi dan dialek dan mereka mendakwa bahawa mereka berasal daripada keturunan yang sama, kampung atau daerah yang sama serta bertutur dialek yang sama. Sementara itu, dalam kategori kedua pula, anggota-anggotanya mempunyai hubungan pertalian darah, geografi dan dialek tetapi dalam konteks yang lebih luas. Kebanyakan mereka berasal dari beberapa kawasan kejiranan berdekatan yang mempunyai hubungan keturunan yang agak jauh dan dapat berkomunikasi antara satu sama lain (Wong, 2012). Dengan demikian, nama-nama persatuan yang ditubuhkan boleh dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu berdasarkan kepada nama keluarga, klan dan keturunan. Bagi kategori pertama, persatuan berasaskan kekeluargaan yang anggotanya berafiliasi melalui nama keluarga dinamakan sebagai *tang* atau *she*, manakala bagi persatuan yang anggotanya berafiliasi melalui klan yang sama dikenali sebagai *jiamiaio*. Bagi kategori yang terakhir, iaitu persatuan keluarga yang ditubuhkan berdasarkan keturunan pula dinamakan sebagai *zongsi* (Tan, 2007).

Di Pulau Pinang, terdapat beberapa contoh persatuan berasaskan kekeluargaan dan yang paling utama ialah *Goh Tai She* (Lima Nama Keluarga Besar) yang ditubuhkan pada pertengahan abad ke-19. Kelima-lima persatuan keluarga tersebut terdiri daripada *Cheah Seh Sek Tong Shi Teik Tong* (Cheah Kongsi) yang ditubuhkan pada tahun 1810, *Khoo She Leong San Tong* (Khoo Kongsi) (1835), *Yeoh She Sit Teik Tong* (Yeoh Kongsi) (1842), *Eng Chuan Tong* (Tan Kongsi) (1851) dan *Kew Long Tong Lim Kongsi* (1863). Kelima-lima persatuan tersebut ditubuhkan berdasarkan prinsip ikatan darah, geografi dan dialek dengan ahli-ahlinya berasal daripada keturunan dan tempat asal yang sama serta bertutur menggunakan dialek yang sama. Lebih menarik, mereka mempunyai nenek moyang yang sama, menyembah Dewa Pelindung yang sama dan secara nominal berada di bawah pemegang amanah bersama (Tan & Ooi, 2014).

Kelima-lima persatuan tersebut kemudiannya telah bergabung dan menubuhkan persatuan yang baharu yang dinamakan sebagai *Hokkien Kongsi*. Para pemimpin dan ahli-ahli persatuan tersebut bergiat aktif untuk menyumbang tenaga dan wang dalam membangunkan aspek ekonomi dan sosial orang Cina di Pulau Pinang. Dalam aspek ekonomi, *Hokkien Kongsi* mempunyai rangkaian hubungan perdagangan yang besar melalui kuasa monopoli ekonomi ke atas perniagaan yang melibatkan candu, arak, dan perlombongan yang diperkenalkan pada zaman kolonial British (Shen, 2013). Kuasa monopoli tersebut menjadikan *Hokkien Kongsi* dilihat sebagai persatuan yang mempunyai kedudukan kewangan dan ekonomi yang kukuh dalam masyarakat Cina di Pulau Pinang. Penglibatan mereka dalam perniagaan candu dan arak berkenaan juga secara tidak langsung telah menguntungkan kerajaan kolonial yang memungut cukai melalui 'farm system' sebagaimana pernah disentuh oleh Francis Light, "They are the only people from whom a revenue may be raised without expense and extraordinary effort of government" (Blundell, 1851).

Dalam aspek sosial pula, wakil pemimpin-pemimpin bergiat aktif dalam pembinaan dan pengurusan pertubuhan agama dan adat resam seperti tokong dan tanah perkuburan awam. Tokong-tokong mengikut kepercayaan tempat asal seperti *Tokong Hock Teck Zheng Shin* telah dibina sebagai tempat berkumpul masyarakat Hokkien. Tanah perkuburan seperti Tanah Perkuburan Batu Lanchang telah dibina dan diuruskan di bawah pengurusan *Hokkien Kongsi*. Pemimpin-pemimpin tersebut juga bergiat aktif dalam mengurus serta menganjurkan aktiviti di tokong-tokong awam seperti *Tokong Kong Hock Keong* di Pulau Pinang dengan menjadi wakil jawatankuasa organisasi pengurusan. Selain itu, pemimpin-pemimpin dari *Hokkien Kongsi* seperti Khaw Sin Bee, Khoo Thean Teik dan tiga orang wakil pemimpin yang lain telah mengambil inisiatif mengumpulkan dana dan menderma sejumlah wang yang banyak bagi pembinaan Dewan Perhimpunan Cina yang pertama di Pulau Pinang pada tahun 1881 (Tan & Ooi, 2014). Penubuhan *Hokkien Kongsi* secara tidak langsung telah mewujudkan kekuatan berpusat dalam komuniti Hokkien dan memberi manfaat kepada masyarakat Hokkien dari segi pembangunan sosioekonomi masyarakat Cina Pulau Pinang.

Selain itu, terdapat juga Persatuan Cina dalam kategori kedua seperti *Chong Seh Cheng Hoe Tong* (Teoh Kongsi) yang ditubuhkan pada tahun 1891, *Ooi She Koong Har Tong* (1828) dan juga *Koo Saing Wooi Koon* (1872). Persatuan *Chong Seh Cheng Hoe Tong* (Teoh Kongsi) dan *Ooi She Koong Har Tong* terbentuk dengan satu nama keluarga sahaja seperti Teoh dan Ooi. Sementara itu, persatuan bernama *Koo Saing Wooi Koon* ditubuhkan melalui ikatan persaudaraan tradisional yang tercermin melalui gabungan empat nama keluarga, iaitu Liu, Guan, Zhang, Zhao. Keempat-empat nama keluarga berkenaan adalah berdasarkan kepada watak-watak yang wujud dalam sastera klasik Cina, *Three Kingdoms*, iaitu Liu Bei, Guan Yu, Zhang Fei dan Zhao Yun. Imej kesetiaan dan keberanian keempat-empat watak tersebut diambil untuk mewakili asas perikatan dalam persatuan (Tan, 2007).

Selain daripada kekeluargaan, terdapat juga persatuan Cina yang ditubuhkan berasaskan lokaliti, iaitu nama wilayah, daerah dan kampung tempat asal mereka di wilayah Selatan China. Jenis persatuan ini dinamakan sebagai *huiguan* (Cai, 2002). Contoh persatuan yang ditubuhkan berasaskan lokaliti di Pulau Pinang ialah *Sun Wui Wui Koon* yang ditubuhkan pada tahun 1873. Persatuan tersebut diwujudkan setelah mereka berjaya mengumpulkan pendatang Cina yang berasal dari daerah Xin Hui di Guangdong, China. Seterusnya ialah *Tseng Long Hui Koan* yang ditubuhkan pada tahun 1849 dengan mengumpulkan anggota yang berasal dari daerah Zeng Ceng dan Long Men di Guangdong, China. Sementara itu,

keanggotaan Teochew Kongsi atau *Chao Zhou Wui Guan* yang ditubuhkan pada tahun 1864, terdiri daripada mereka yang berasal dari bandar Chaoshan (Wong, 2012).

Dialek dan sub-dialek merupakan identifikasi penting dalam kalangan orang Cina, sekali gus menunjukkan tempat asal nenek moyang mereka. Pada masa lalu, perbezaan dialek turut menunjukkan pelbagai ciri sosial dan budaya yang lain, termasuk diet, pakaian dan juga kelas sosial. Secara tradisinya, fungsi persatuan berasaskan dialek yang wujud dalam sesebuah komuniti Cina sangat penting, antara lain persatuan ini bertindak sebagai pengantara dalam pertikaian melibatkan kewangan serta membantu mewujudkan pengaruh dalam perniagaan dan perdagangan.

Sebagaimana kelompok pendatang yang lain, orang Cina yang bermigrasi ke penempatan baharu di luar Tanah Besar China tidak bersifat homogen. Seperkara yang menarik, migrasi tersebut tidak berlaku secara rawak, sebaliknya dalam bentuk rantaian dengan saudara-mara dan jiran tetangga turut cenderung untuk mengikuti jejak langkah mereka yang bermigrasi. Fenomena tersebut dapat menjelaskan tentang penumpuan kelompok-kelompok dialek tertentu di pelbagai kawasan yang dituju. Kebanyakan mereka yang bermigrasi berasal dari wilayah pesisir selatan yang mewakili sebahagian besar dialek yang dipertuturkan, iaitu Hokkien, Teochew, Kantonis, Hakka dan Hainan.

Halangan yang wujud bagi memahami pertuturan antara satu sama lain dalam kalangan kelompok dialek yang berbeza adalah sesuatu yang amat menyulitkan. Menurut Blythe (1969), orang Cina dari Guangdong dan Guanxi bertutur dalam dialek Kantonis yang tidak difahami oleh orang Cina dari Fujian. Manakala, orang Cina dari Hainan pula mempunyai dialek tersendiri yang hampir menyamai Hokkien dan Kantonis, malangnya tidak dapat difahami oleh kedua-dua kelompok terbabit. Atas faktor tersebut, dialek menjadi antara pemangkin utama penubuhan persatuan dalam kalangan orang Cina. Selain itu, kegiatan perniagaan juga seringkali dihubungkan melalui perkongsian dialek atau subdialek antara mereka.

Antara contoh persatuan yang berasaskan dialek ialah *Kar Ying Fee Kon* yang ditubuhkan pada tahun 1801 oleh masyarakat Hakka yang berasal dari lima daerah di bahagian timur wilayah Guangdong, iaitu Meizhou, Xingning, Wuhua, Pingyuan dan Jiaoling. Persatuan *Kar Ying Fee Kon* merupakan tempat penyembahan nenek moyang kepada masyarakat Hakka yang berasal dari daerah yang sama. Mereka telah menjaga kebajikan ahli-ahli persatuan dengan menyediakan perkhidmatan perubatan dan pendidikan di dalam bangunan milik persatuan terbabit. Menerusi aktiviti penyembahan nenek moyang dan dewa kepercayaan yang dijalankan, Persatuan *Kar Ying Fee Kon* berupaya mendekatkan hubungan ahli, memperkuat norma tingkah laku, serta menstabilkan dan mengeratkan perpaduan dalam kalangan ahli persatuan (Shen, 1987).

Selain itu, sebuah lagi persatuan yang didirikan pada tahun 1822 ialah *Fooi Chew Khoon* yang ditubuhkan oleh orang Cina dari Hui Zhou di bahagian tenggara wilayah Guangdong. *Fooi Chew Khoon* merupakan tempat berkumpul dan beristirahat masyarakat Cina Hakka yang berasal dari daerah yang sama apabila mereka tiba di Pulau Pinang. Persatuan ini juga menjadi batu loncatan yang membantu masyarakat Cina Hakka yang mencari peluang pekerjaan dan membuka peluang perniagaan dalam bidang pertanian dan perlombongan di Pulau Pinang. Pemimpin-pemimpin dalam persatuan tersebut turut bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti sosial yang diadakan oleh persatuan-persatuan lain seperti menjadi ahli jawatankuasa pengurusan *Tokong Thai Pak Koong* bersama persatuan Hakka yang lain dan menderma wang kepada pelbagai institusi keagamaan termasuk tokong dan tanah perkuburan. Persatuan *Fooi Chew Khoon* Pulau Pinang juga memainkan peranan aktif sebagai pengantara kepada rakan persatuan *Fooi Chew Khoon* yang terdapat di negeri-negeri utara Malaysia, termasuk Perlis dan Kedah untuk berkongsi tentang berita dan maklumat dari kampung halaman mereka di Tanah Besar China (Qiu, 1979).

Persatuan Cina yang berasaskan profesion di Pulau Pinang sebenarnya merupakan persatuan yang ditubuhkan berdasarkan kraf dan perniagaan yang dikendalikan oleh masyarakat Cina (Wong, 2012). Menurut Mak (1995), masyarakat Cina dengan pekerjaan yang sama telah membentuk persatuan atau kesatuan untuk tujuan bersosial dan melindungi kepentingan mereka secara bersama-sama yang

kebanyakannya terdiri daripada industri perdagangan, industri kraftangan atau organisasi berkaitan industri. Persatuan berasaskan profesion mula muncul di Pulau Pinang pada tahun 1830 dan dikategorikan kepada dua, iaitu persatuan kraf dan persatuan perniagaan. Ahli persatuan kraf terdiri daripada tukang-tukang seperti tukang emas, tukang jahit dan tukang kayu sementara ahli persatuan perniagaan terdiri daripada pengusaha yang terlibat dalam perdagangan bahan makanan, perdagangan eksport dan import dan industri restoran.

Antara persatuan berasaskan profesion yang ditubuhkan oleh golongan tukang termasuklah *Ta Kam Hong* atau *Huing Goldsmith Guild* yang pertama kali ditubuhkan pada tahun 1832, diikuti oleh *Loo Bun Hong*, iaitu persatuan tukang-tukang kayu pada tahun 1855 dan *Persatuan Kecantikan Rambut Li Lo Hang* atau *Yong Sheng Tang* yang ditubuhkan pada tahun 1870. Persatuan perniagaan pertama yang ditubuhkan oleh ahli perniagaan ialah *Koo Soo Kwong Choon Thong* atau *Guild Restaurateurs Canton* yang ditubuhkan pada tahun 1875 (Shi, 2005).

Pada tahun 1890-an, berlaku peningkatan pelbagai jenis persatuan profesion dalam jumlah yang besar. Antaranya melibatkan sektor pembinaan, pembuatan pakaian, perlombongan, gedung membeli-belah, ubat-ubatan, penghantaran surat khabar, perabot, percetakan dan lain-lain. Walaupun persatuan-persatuan berkenaan ditubuhkan mengikut profesion, secara tidak langsung, juga dimonopoli oleh kumpulan-kumpulan berasaskan dialek tertentu. Perkara tersebut selari dengan pandangan Backman (1995) yang menjelaskan,

Due to occupational-dialect links brought about by chain migration, the memberships of guilds associations usually were confined to a particular dialect or even sub-dialect group. For example, goldsmith guilds in Malaysia, in the past, have been dominated by the Cantonese.

Menurut Ooi (2015), Hokkien dan Teochew merupakan kumpulan dialek yang dominan dari segi bilangan dan kedudukan sosioekonomi di Pulau Pinang. Kebanyakan mereka tertumpu kepada aktiviti melibatkan perdagangan, hartanah, pertanian komersial berskala besar dan perniagaan kedai runcit. Sementara itu, bilangan dari kelompok Kantonis adalah lebih kecil tetapi mereka dianggap kuat dan tahan lasak kerana bekerja bersama-sama orang Melayu untuk membersihkan hutan tebal dan menyediakan tanah pertanian untuk penanaman. Mereka juga mendominasi aktiviti melibatkan pertukangan kayu dan besi, pembuatan kasut, dan sebilangan besarnya dalam perniagaan runcit. Bagi kelompok Hakka dan Hainan, kebanyakan mereka mengkhususkan diri dalam penyediaan makanan yang berfungsi sebagai tukang masak dan pemilik kedai minuman. Walau bagaimanapun, pembahagian profesion berasaskan dialek yang dikemukakan oleh Mak (1995) ternyata sedikit berbeza. Menurut beliau, kelompok Hokkien kebanyakannya melibatkan diri dalam bidang pembuatan batu bata, pemborong dan perniagaan. Kelompok Teochew pula kebanyakannya terlibat dalam bidang pembakaran arang, penternakan ayam dan penanaman tebu. Sementara itu, kelompok Hakka kebanyakannya terlibat dalam bidang perlombongan dan kelompok Kantonis kebanyakannya terlibat dalam pengendalian restoran, kerja logam dan pertukangan.

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa pada abad ke-18, kumpulan dialek dan subdialek mempunyai pengkhususan dalam sektor pekerjaan tertentu. Hubungan subdialek/dialek-pekerjaan ini mencerminkan kecenderungan ahli kumpulan ini untuk mencari pekerjaan dalam kalangan mereka yang bertutur dialek yang sama. Selain itu, mereka yang bermigrasi pada zaman awal turut berkecenderungan untuk bekerja dengan saudara-mara dan rakan-rakan yang telah datang lebih awal ke Pulau Pinang.

Fungsi Sosial Persatuan Cina

Menurut Mak (1995), persatuan Cina yang ditubuhkan berfungsi secara langsung dan tidak langsung berdasarkan objektif persatuan yang ditetapkan. Walaupun persatuan Cina di Pulau Pinang mempunyai pelbagai bentuk gabungan, namun objektif mereka adalah sama. Fungsi sosial yang dimainkan oleh persatuan-persatuan Cina tersebut dapat dilihat dalam aspek kebajikan sosial, agama dan identiti kumpulan.

Kebajikan Sosial

Persatuan Cina memupuk integrasi dalam masyarakat Cina dengan mempromosikan perpaduan dan memberikan bantuan sesama ahli berdasarkan kepada prinsip pengorganisasian persatuan (Wong, 2012). Objektif utama penubuhan persatuan-persatuan berkenaan bertujuan untuk mengurangkan perasaan cemas dan kegusaran yang dialami oleh orang Cina yang baharu tiba di penempatan baharu yang cukup asing bagi mereka. Atas faktor kekurangan perlindungan daripada pihak pemerintah di negara asal dan perlindungan daripada pemerintah kolonial Inggeris serta keperluan untuk bersosial, persatuan Cina pada kebiasaannya akan bertindak sebagai tempat bergantung kepada golongan masyarakat Cina yang baharu tiba di Pulau Pinang.

Lebih daripada itu, persatuan Cina telah menjadi platform untuk orang Cina berkomunikasi dan mendapatkan perlindungan. Secara tidak langsung, perkara tersebut akan menyatukan mereka. Melalui aktiviti sosial yang dijalankan oleh persatuan, ahli-ahlinya dapat berhubung antara satu sama lain supaya perpaduan dan semangat tolong-menolong dapat dipupuk antara anggota. Tambahan pula, masyarakat Cina juga bergantung harap kepada persatuan Cina untuk membantu mereka mencari pekerjaan ketika mereka pertama kali tiba di Pulau Pinang atau ketika berlakunya pengangguran.

Selain itu, persatuan Cina juga bertindak menjaga kebajikan ahli-ahlinya dengan mengadakan aktiviti-aktiviti amal di dalam dan di luar persatuan dengan memberikan sokongan kewangan (Wong, 2012). Sebuah jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk mengumpulkan dana bagi aktiviti-aktiviti amal yang akan dijalankan. Persatuan-persatuan ini menyumbang dalam penubuhan dan pengoperasian hospital, kuil dan perkuburan dengan menggunakan dana yang dikumpul menggunakan nama persatuan. Selain itu, mereka juga membantu menangani isu kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat Cina. Persatuan-persatuan tersebut memberi pertolongan kepada mereka yang miskin dan sakit dengan mendermakan dana persatuan untuk menolong mereka yang memerlukan (Xiao et al., 2005).

Agama, Kepercayaan dan Kebudayaan

Dewa, hantu dan nenek moyang merupakan bentuk pemujaan terpenting dalam agama dan kepercayaan tradisional orang Cina dan menjadi bahagian terpenting dalam kehidupan mereka pada abad ke-18. Atas kepentingan berkenaan, mereka telah membawa bentuk kepercayaan tradisional dari Tanah Besar China ke Pulau Pinang apabila mereka mula menetap di Pulau Pinang. Hal ini kerana mereka percaya bahawa dewa pelindung yang disembah dapat membantu mereka memperoleh keberkatan dan perlindungan dalam kehidupan di penempatan baharu. Oleh itu, mereka mula membina tokong untuk dewa pelindung dan menjadikannya sebagai perkara yang paling mustahak untuk dilakukan sebagai tanda kesyukuran atas keberkatan yang diberi oleh dewa tersebut dalam perjalanan migrasi mereka ke tanah baharu. Selain itu, tokong-tokong tersebut bertindak sebagai tempat bagi masyarakat Cina untuk menyembah dewa-dewa yang sama dengan tempat asal mereka di Tanah Besar China, selain menunjukkan kesatuan dari aspek dialek. Oleh itu, tokong dianggap sebagai sebuah institusi keagamaan yang penting bagi masyarakat Cina.

Persatuan Cina memainkan peranan mereka dengan menyembah dewa-dewa seperti dewa perlindungan tertentu yang didasarkan kepada elemen kekeluargaan, lokaliti, dialek atau profesion. Melihat kepada latar belakang masyarakat Cina yang bervariasi, tokong-tokong tersebut mencerminkan ciri kawasan geografi yang kuat dan keterikatannya dengan kelompok dialek dan klan tertentu (Wong, 2012). Oleh itu, persatuan-persatuan tersebut akan menderma wang bagi pembinaan kuil, sekali gus bertindak sebagai ahli jawatankuasa pengurusan tokong tersebut. Sebagai contohnya, sebilangan persatuan Cina meletakkan papan peringatan nenek moyang di dewan nenek moyang untuk menyembah nenek moyang yang meninggal di Pulau Pinang sebagai tanda penghargaan dan peringatan terhadap pengorbanan yang telah dilakukan untuk keluarga atau masyarakat (Kwoh, 2013).

Terdapat juga beberapa tokong yang diuruskan oleh kumpulan dialek tertentu. Contohnya, *Tokong Thai Pak Koong*, Tanjung Tokong yang dimiliki dan diuruskan oleh orang Hakka di bawah persatuan yang bernama *Persatuan Hakka Ng Suk*. *Persatuan Hakka Ng Suk* diletakkan di bawah

pengurusan gabungan lima buah persatuan yang berasaskan lokaliti dan dialek yang sama. Jawatankuasa ini diwakili oleh ahli-ahli yang berasal dari daerah Zeng Long, Dapu, Yong Ding, Kar Ying dan Hui Zhou di China (Fong, 2012). Manakala *Hokkien Kongsi* merupakan kumpulan dialek yang membina dan menguruskan lima buah tokong di Pulau Pinang, iaitu *Qing Yun Yan* atau Kuil Ular, *Cheng Leong Keong*, *Seng Hong Beow*, *Shou Thean Keong* dan *Shui Bee Keong* (Tan & Ooi, 2014).

Selain itu, persatuan Cina juga memainkan peranan penting dalam setiap musim perayaan. Pelbagai perayaan akan berlangsung untuk meraikan atau menyembah dewa pelindung persatuan Cina dan festival tradisional Cina. Aktiviti tahunan yang paling penting bagi setiap persatuan Cina adalah upacara ritual yang meraikan kelahiran dewa pelindung mereka. Perayaan budaya tradisional seperti *Qingming*, Perayaan Perahu Naga dan Perayaan DongZhi atau Perayaan Solstis Musim Sejuk juga merupakan festival terpenting yang akan disambut oleh persatuan Cina. Tambahan pula, sebilangan persatuan berasaskan kekeluargaan akan menyembah nenek moyang mereka pada perayaan-perayaan tersebut bagi tujuan peringatan. Justeru itu, persatuan-persatuan Cina telah menjadi tempat untuk menyampaikan, memulihara, mengembangkan dan menganjurkan aktiviti tradisi budaya masyarakat Cina (Fong, 2012; Tan & Ooi, 2014).

Setelah bermigrasi ke Pulau Pinang, urusan pengebumian kematian dalam kalangan sahabat dan ahli keluarga yang meninggal di penempatan baharu juga turut menjadi salah satu masalah utama bagi masyarakat Cina di Pulau Pinang. Kenaikan kadar kematian dalam kalangan masyarakat Cina telah menyebabkan peningkatan keperluan untuk tanah perkuburan di Pulau Pinang. Lantaran itu, usaha telah dijalankan bagi membina serta menguruskan tanah perkuburan bagi mengatasi masalah tersebut dan tanggungjawab berkenaan telah ditangani oleh persatuan Cina. Mereka turut mengembeling tenaga bagi membantu ahli-ahli yang tidak mempunyai saudara-mara atau hidup sebatang kara untuk menguruskan pengebumian berkenaan. Tanah perkuburan pertama, iaitu Tanah Perkuburan Batu Lanchang telah dibina sebelum tahun 1805 dan dikendalikan oleh kelompok Hokkien. Sementara itu, tanah perkuburan kedua yang terletak di Pulau Tikus telah dibangunkan pada tahun 1842. Tanah Perkuburan Batu Gantong adalah tanah perkuburan ketiga yang dibina pada tahun 1886. Persatuan Cina juga menghulurkan bantuan kepada ahli-ahli mereka yang miskin untuk mengadakan upacara pengebumian bagi anggota keluarga mereka (Teoh, 1997). Sebagai contoh, Hokkien Kongsi telah membekalkan tempat pengebumian dan menanggung kos pengebumian kepada golongan miskin yang memerlukan bantuan apabila berlaku kematian anggota keluarga (Tan & Ooi, 2014).

Identiti Kumpulan dan Kepentingan Diri

Dalam kehidupan seharian, konflik sering berlaku melibatkan perselisihan pendapat serta idea yang tidak dapat dielakkan. Apabila tercetusnya konflik antara mereka, persatuan Cina akan campur tangan untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Tindakan yang diambil bertujuan untuk melindungi integriti antara ahli-ahli persatuan dan pada masa yang sama menjaga kepentingan persatuan secara dalaman dan luaran. Oleh itu, persatuan Cina memainkan peranan penting dalam menyelesaikan perselisihan yang berlaku dalam kalangan ahli-ahlinya dengan menjadi platform bagi mereka untuk menyelesaikan perselisihan yang tercetus. Hal ini kerana kebanyakan pemimpin persatuan mempunyai status yang agak tinggi dalam masyarakat, seperti Kapitan dan golongan peniaga yang kaya. Menurut Freedman (1960a), ahli perniagaan yang kaya sering melibatkan diri dalam aktiviti persatuan rahsia untuk meninggikan kedudukan status mereka dalam masyarakat, sekali gus menjanjikan kawalan sosial dalam masyarakat. Ini berikutan, pada abad ke-19, persatuan rahsia merupakan sumber kekuatan utama bagi pemimpin-pemimpin tersebut untuk mengawal masyarakat Cina.

Persatuan Cina juga melibatkan diri dalam bidang pendidikan untuk mendidik anak-anak ahli persatuan. Para pemimpin persatuan percaya bahawa pengetahuan merupakan medium yang amat penting untuk mengubah nasib seseorang. Lantaran itu, persatuan Cina telah menjadi organisasi yang bersifat sukarela membekalkan peluang pendidikan percuma untuk anak-anak ahli. Bangunan-bangunan persatuan telah dijadikan sebagai sekolah percuma untuk anak-anak ahli mendapat pengetahuan. Bahan pengajaran dan guru diimport dari Tanah Besar China. Bahasa Cina adalah bahasa utama yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah terbabit. Pelbagai tahap pendidikan sekolah

Cina seperti tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, dan universiti telah ditubuhkan melalui sumbangan derma seperti wang dan tanah oleh ahli perniagaan kaya dan pemimpin persatuan berikutan peningkatan kadar kanak-kanak yang memerlukan pendidikan. Contohnya, Cheah Kongsu dan Tan Kongsu telah mendirikan sekolah percuma kepada golongan miskin dan anak-anak ahli persatuan untuk mendapatkan peluang pendidikan (Tan & Ooi, 2014).

Selain mendirikan sekolah, persatuan Cina juga menyediakan dana pendidikan untuk anak-anak ahli persatuannya. Dana pendidikan itu dijadikan sebagai biasiswa kepada pelajar bukan sahaja secara dalaman, tetapi juga diberikan kepada pelajar yang bukan ahli persatuan. Tindakan ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak dari keluarga miskin memperoleh peluang pendidikan. Selain itu, dana pendidikan juga dijadikan sebagai hadiah untuk anak-anak ahli persatuan apabila mereka memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan sebagai motivasi. Antara contoh sekolah yang ditubuhkan oleh persatuan berdasarkan lokaliti dan dialek ialah Sekolah Menengah Han Jiang yang ditubuhkan pada tahun 1950 oleh kelompok Teochew melalui Teochew Kongsu (Kwoh, 2013).

Selain itu, menurut Wong (2012), persatuan Cina turut memupuk identiti dan kohesi kumpulan melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan yang dianjurkan. Sebagai contoh, Klan Kongsu berusaha memupuk identiti dan kohesi kumpulan mereka dengan mengutamakan pengekalan keturunan, solidariti klan dan nilai-nilai tradisional. Selain itu, mereka juga memupuk kesatuan dalam kalangan ahli-ahli dengan mewujudkan peraturan dan undang-undang keluarga untuk menjaga ketertiban persatuan.

Lebih menarik, persatuan berasaskan profesion yang ditubuhkan berupaya meningkatkan interaksi dan komunikasi antara pengusaha dan menyatukan pengusaha untuk memastikan perkembangan industri. Menerusi persatuan yang ditubuhkan juga komunikasi antara pekerja dapat berjalan dengan baik, sekali gus memberi peluang untuk golongan pekerja menyuarakan permintaan mereka bagi mendapatkan layanan yang sewajarnya (Xiao et al., 2005). Contohnya, *Persatuan Loo Bun Hong* yang diasaskan dalam bidang pertukangan kayu merupakan persatuan yang paling bersejarah dan berpengaruh di Pulau Pinang. Persatuan ini dilihat sebagai tempat berkumpul bagi tukang-tukang kayu. Dengan sistem perantisan tok guru dan anak murid yang diperkenalkan, ahli-ahli dikehendaki mematuhi tata tertib yang ditetapkan sepanjang tiga tahun. Tata tertib tersebut melatih ahli-ahli tentang peraturan yang perlu dipatuhi seterusnya mewujudkan susunan masyarakat Cina melalui bidang pekerjaan. Ahli-ahli persatuan tersebut juga diajar kemahiran kehidupan dalam bidang pertukangan dan diberikan peluang pekerjaan (Yeap, 2017).

Kesimpulan

Penjajahan Inggeris pada abad ke-18 telah menarik orang Cina dari Tanah Besar China untuk bermigrasi ke Pulau Pinang bagi mencari peluang untuk kehidupan yang lebih baik. Persatuan Cina telah menjadi tempat bergantung kepada masyarakat Cina untuk mendapatkan pertolongan serta sokongan dalam persekitaran baharu yang asing bagi mereka. Mereka dikumpulkan melalui penubuhan organisasi sosial berdasarkan prinsip pengorganisasian. Oleh itu, persatuan Cina telah menjalankan fungsi mereka dalam mengklasifikasi, mengatur dan menguruskan masyarakat Cina di Pulau Pinang dalam susunan sosial yang tersendiri. Persatuan Cina juga telah memainkan peranan yang penting melalui sumbangan yang diberikan dalam membangunkan masyarakat Cina. Jenis dan fungsi persatuan Cina di Pulau Pinang jelas menunjukkan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat Cina di Pulau Pinang daripada pelbagai aspek kehidupan dan perkara tersebut telah memberikan kesan yang mendalam kepada orang Cina di Pulau Pinang.

Rujukan

- Backman, M. (1995). *Overseas Chinese business networks in Asia*. East Asia Analytical Unit, Department of Foreign Affairs and Trade.
- Blundell, E. A. (1851). Notices of Penang. *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia*, V, 9.
- Blythe, W. (1969). *The impact of Chinese secret societies in Malaya, A historical study*. Oxford University Press.

- Cai Peirong. (2002). *Discussion on the Consul in Singapore in the Qing Dynasty, 1877-1911*, Vol. 5. National University of Singapore.
- Cullin, E.G., Zehnder, W.F. (1905), *The early history of Penang, 1592-1827*. Criterion Press.
- Derks, H. (2012). *History of the opium problem: The assault on the East, ca. 1600-1950*. Brill.
- Fong, J. Y. (2012). *Hua Hai Zhu Yu Da Bo Gong Miao. Ma Lai Xi Ya Bin Lang Yu Hai Zhu Yu Wu Shu Da Bo Gong Miao Jian Miao 212 Zhou Nian Ji Nian Te Kan*. Tokong Thai Pak Koong (Ng Suk) Tanjong Tokong.
- Freedman, M. (1960a). Immigrants and associations: Chinese in nineteenth century Singapore. *Comparative Studies in Society and History*, 3(1), 25-48.
- Freedman, M. (1960b). The growth of a plural society in Malaya. *Pacific Affairs*, 33(2), 158-168.
- Gungwu, W. (2000). *The Chinese overseas from earthbound China to the quest for autonomy*. Harvard University Press.
- Gungwu, W. (1991). *China and the Chinese overseas*. Times Academic Press.
- Khoo, K. K. (1971). Latar belakang sejarah masyarakat India dan China di Tanah Melayu, *JEBAT*, 1, 14-23.
- Kwoh, S. C. (2013). *Chinese clan in Penang, A concise history*. Penang Chinese Clan Council.
- Lee, Y. F. (2009). Kajian tentang identiti orang cina di Malaysia dari segi epistemologi: Ulasan. *Sari*, 27, 167-183.
- Li, P. S. & Li, E. X.. (2013). The Chinese overseas population. Dlm. Tan Chee Beng (ed.). *Routledge Handbook of the Chinese Diaspora*. Routledge.
- Lin, Z. (2009). The society of overseas Chinese in Malaya before 1914. *Around Southeast Asia*, 5, 81-85.
- Mak, L. F. (1981). *The sociology of secret societies*. Oxford University Press.
- Mak, L. F. (1995). *The dynamics of Chinese dialect groups in early Malaya*. Singapore Society of Asian Studies.
- Mills, L., Turnbull, C., & Bassett, D. (1960). British Malaya 1824-67. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 33/3(191), 1-424.
- Mung, E. M. (1998). Groundlessness and utopia: The Chinese diaspora and territory. Dlm. Elizabeth Sinn (ed.). *The last half century of Chinese overseas*. Hong Kong University Press.
- Neil, K., Salma, K., Leng, L., & Guan, Y. (2009). Penang and its region: The story of an Asian entreport. In C. M. Turnbull, *Penang's changing role in the Straits Settlements 1826-1946* (pp. 30-53). NUS Press.
- Ooi, K. G. (2015). Disparate identities: Penang from a historical perspective, 1780–1941. *Kajian Malaysia*, 33(Supp. 2), 27–52.
- Poston, Jr. D.L & Wong, J.H. (2016). The Chinese diaspora: The current distribution of the overseas Chinese population. *Chinese Journal Sociology*, 2(3), 348-373.
- Purcell, V. (1960). *The Chinese in modern Malaya*. Eastern Universities Press Ltd.
- Qiu, R. F. (1979). *Bin Cheng Hui Zhou Hui Guan Guan Shi, Bin Lang Yu Ke Shu Gong Hui Si Shi Zhou Nian Ji Nian Kan*. Penang Khok Association.
- Shen, S. K. (1987). "Ben Hui Hui Shi". *Bin Cheng Jia Ying Hui Guan 186 Zhou Nian Ji Nian Te Kan*. Kar Yin Fui Kon.
- Shen, Y. (2013). Bincheng Fujian Huaren Wuda Xingshi Jiongma Jingying Tanxi. *Overseas Chinese Journal of Bagui*, 4, 64-70.
- Shi, C. (2005). *Malai Xiya Huaren Shetuan Yanjiu*. Zhong Guo Hua Qiao Chu Ban She.
- Straits Settlements Government Gazette*. (1888). XXII (20), 27 April.
- Supplement to Straits Settlements Government Gazette*. (1888). 20 Jun.
- Tan, C. B. (2013). Introduction. Dlm. Tan Chee Beng (ed.). *Routledge Handbook of the Chinese Diaspora*. Routledge.
- Tan, K. H. (2007). *The Chinese in Penang: A pictorial history*. Areca Books.
- Tan, K. H., & Ooi, B. K. (2014). *The story of Hokkien Kongsis, Penang*. Hokkien Kongsis.
- Teoh, S. K. (1997). *Epigraphic inscriptions of Penang Hokkien cemeteries*. Singapore Society of Asian Studies.
- Vaughan, J. D. (1879). *Manners and customs of the Chinese of the Straits Settlements*. Mission Press.
- Wong, Y. (2012). The evolution of Penang's Chinese Association. *Penang Monthly*. Diakses pada 9 Jun 2020.
[https://penangmonthly.com/article.aspx?pageid=7169&name=the evolution of penangschinese associations](https://penangmonthly.com/article.aspx?pageid=7169&name=the%20evolution%20of%20penangschinese%20associations).

- Xiao, X., Zhang, W., Fan Z., Lin, K., Li, M., & Zhang, H. (2005). Dongnan Yade Kejia Huiguan: Lishi Yu Gongneng De Tanta. *Asia- Pacific Research Forum*, 28, 185-220.
- Yeap, L. H. (2017). Brief history of carpenter's guild in Penang. *Malaysian Journal of Humanities and Social Sciences*, 6(1/2), 77-90.
- Zhuang, G. T. (2008). On the four waves: History of the Chinese migration into Southeast Asian. *Southeast Asian Affairs*, 1(133), 69-81.